

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,KELANTAN BIL. 2/2000

PEMBERITAHU UMUM DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ATAS PELANGGARAN SYARAT KEGUNAAN TANAH

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Kerajaan Negeri telah memberi persetujuan untuk membolehkan tindakan-tindakan berikut diambil ke atas pelanggaran syarat kegunaan tanah :

- i. Pemberitahuan umum melalui pamphlet
 - ii. Mengambil tindakan dan langkah mengikut perundangan.
2. Persetujuan ini telah dibuat oleh Kerajaan melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 22/2000 yang telah bersidang pada 11hb.Okttober 2000 setelah menimbang dan membuat keputusan Kertas Bil. 22/1036/2000 (9) ; berasaskan pertimbangan-pertimbangan seperti berikut :
- i. Pemberitahuan secara umum perlu diedarkan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai dan pemilik-pemilik tanah berdaftar mengenai kesalahan-kesalahan pelanggaran syarat nyata kegunaan tanah.

- ii. Tindakan undang-undang perlu diambil bagi meremedikan keadaan sejajar dengan pembangunan sebenar.
 - iii. Mendapatkan punca-punca kewangan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan sekaligus menambahkan hasil Kerajaan.
3. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri telah mencetak pemberitahuan umum untuk diedarkan kepada orang ramai bagi memberi kefahaman dan kesedaran mengenai kesalahan-kesalahan pelanggaran syarat kegunaan tanah.
4. Adapun langkah dan tindakan perundangan yang telah persetujui oleh Kerajaan Negeri, digariskan sebagaimana berikut :-
 - 4.1 Tiga langkah boleh diambil di bawah Kanun Tanah Negara 1965.
 - a) denda RM500.00 di bawah Seksyen 127
 - sekiranya dibayar, tapi belum remedi perlanggaran, denda RM 100.00 sehari.
 - Sekiranya tak bayar, ambil tindakan di bawah Seksyen 128 dan 129.
 - b) remedi dengan memberi notis Borang 7A KTN Seksyen 128. Sekiranya tak remedi, ambil tindakan di bawah Seksyen 129.
 - c) Lucuthak tanah dengan memberi notis Borang 7B KTN Seksyen 129 supaya hadir di hadapan Pentadbir Tanah bagi menyatakan sebab tanah tidak boleh dilucuthak. Sekiranya berpuas hati, perintah lucuthak di bawah Seksyen 130 akan diambil.

5. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Dato' Mohd Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

YABrs. Semua Pentadbir Tanah Jajahan
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan).

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN. 4485 JLD. 2 (3)
BERTARIKH : 08 SYAABAN 1421
05 NOVEMBER 2000.**